

Pelajar UPM sertai gotong-royong sempena Jelajah Bakti Siswa

BAKTI. Sekumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan aktiviti gotong-royong bersama penduduk di Flat Taman Pinggiran Batu Caves Fasa 3, Gombak, Selangor baru-baru ini.

Jurucakap Badan Pengurusan Bersama Jelajah Bakti Siswa UPM, Mohd. Ramlan Maskoer memberitahu, program yang diadakan sempena Jelajah Bakti Siswa tersebut bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim selain memberi peluang kepada para pelajar beramah



**Komuniti
Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

mesra dengan penduduk setempat.

"Menerusi program seumpama itu, semua pihak yang terlibat dapat bergaul serta berkomunikasi sekali gus mendekatkan pelajar-pelajar UPM dengan

masyarakat setempat," katanya.

PELAJAR UPM yang menyertai Jelajah Bakti Siswa UPM bergambar bersama penduduk setempat selepas menyertai program gotong-royong di Flat Taman Pinggiran Batu Caves Fasa Tiga, Gombak baru-baru ini.

